

'Bayar tapi rumah terbengkalai'

Anggota, pesara tentera kesal projek rumah tertanggung hampir 11 tahun

HAZELEN LIANA
KAMARUDIN

RANTAU PANJANG

Pemotongan bayaran bulanan rumah oleh seramai 56 anggota dan pesara tentera umpama 'sedekah' apabila mahligai idaman yang dibeli mereka di Taman SL ATM, Mukim Apam dekat sini terbengkalai.

Projek yang dimulakan pada tahun 2006 itu dijangka siap sepenuhnya pada 2008 namun sebaliknya

berlaku apabila pemaju gagal memenuhi perjanjian sebagaimana yang telah dimeterai.


Lebih menyedihkan, sebahagian daripada pembeli rumah tersebut sudah bersara dalam perkhidmatan tentera.

Wakil pembeli, Mohd Redhuan Ibrahim, 33, berkata, mereka terpaksa membuat bayaran bulanan walaupun projek perumahan itu sudah terbengkalai hampir 11 tahun.

"Kami terpaksa menyewa rumah lain untuk meneruskan kehidupan.

"Bayangkan kami terpaksa membelanjakan RM500 hingga RM800 sebulan untuk membuat bayaran pinjaman perumahan dan menyewa rumah lain.

"Tipulah tidak sedih, rumah ini adalah 'syurga' terbaik buat kami dalam



Pembeli menunjukkan keadaan rumah mereka yang kini dipenuhi semak.

meneruskan kehidupan pada masa depan bersama keluarga," katanya.

Menurutnya, kesemua pembeli merasa tertipu

apabila mereka difahamkan 95 peratus bayaran sudah dibuat kepada pihak kontraktor sedangkan projek tersebut baru 60 per-

tus siap.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati kawasan perumahan yang terdiri daripada rumah teres dan banglo

itu sudah dipenuhi dengan semak dan dijadikan kandang lembu oleh pihak tidak bertanggungjawab selain lokasi menghisap dadah.

Malah bingkai tingkap, pintu dan bumbung yang dipasang turut dicuri.

Sementara itu, Hamzani Mohamad, 49, berkata, dia berharap pihak berkenaan khususnya Kementerian Pertahanan Malaysia serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dapat membantu menyelesaikan masalah itu.

Katanya, kebanyakan pembeli rumah itu merupakan bekas tentera yang pernah mengerah keringat mempertahankan tanah air.

"Ada juga dalam kalangan kami masih menabur bakti sebagai anggota tentera," katanya.